

KENYATAAN HEBAHAN

Penutupan Laluan Pendakian Gunung Trus Madi Melalui Daerah, Tambunan

Dimaklumkan bahawa, kerja-kerja pembinaan di tapak Projek Penyediaan Kemudahan Pelancongan Secara Berpakej dalam Hutan Simpan Trus Madi (FMU10), Tambunan telah bermula pada 9 September 2011.

Sehubungan dengan ini, laluan pendakian gunung Trus Madi melalui Kaingaran, Tambunan akan ditutup dan dijangka di buka kembali dalam tahun 2013 (tempoh di jangka siap projek - 17 bulan).

Penutupan laluan dilakukan berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- i. Untuk mengelakkan kesesakan laluan pendakian (pelancong/pekerja binaan) yang berkemungkinan membuat laluan yang tidak sepatutnya.
- ii. Mengurangkan gangguan terhadap pemungggah barang-barang binaan yang boleh melambatkan kerja-kerja pembinaan.
- iii. Untuk keselamatan dan keselesaan kepada pelancong dan pekerja binaan.

Walau bagaimanapun, penutupan laluan ini tidak melibatkan kawasan riadah/rekreasi lain seperti tapak perkhemahan Sg. Mirad-Irad, plot Bunga Rafflesia, Air Terjun Bukit "S" dan kawasan pemerhatian burung "*Bird Watching*".

Bagi memudahkan pelancong /pendaki yang masih berminat untuk mendaki Gunung Trus Madi, dua laluan berjalan kaki telah disediakan iaitu melalui Apin-Apin, Keningau sejauh 4.3 km dan melalui Sinua, Sook sejauh 11.6 km.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

Pejabat Timbalan Pengarah (Pengurusan),
Pejabat Operasi CAMP FMU 10,
Jabatan Perhutanan Sabah,
Peti Surat No.88
89007 KENINGAU

(up: Tn. Hj. Mohd Nooh Hj. Mohd Jiran/En. Jafin Abu Bakar/
En. Awangku Effendy Pg. Mahmud/Tn. Hj. Afifuddin Hj. Jadin)
(Telefon: 087-331203/087-331330 dan Faks 087-332244)